

POLA HUBUNGAN SOSIAL RENTAS ETNIK DALAM KALANGAN
BELIA: KAJIAN KES DI PASIR GUDANG, JOHOR

AIZATHUL HANI BINTI ABD HAMID

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

OKTOBER 2020

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

Pelajar :

AIZATHUL HANI BINTI ABD HAMID

Tarikh :



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Penyelia :

DR. KHAIROL ANUAR BIN KAMRI

Tarikh :

Untuk Ayah dan Mama yang tercinta,
Encik Abd Hamid Abd Kadir & Puan Aini Sharif
terima kasih atas doa serta sokongan moral dan modal kalian.

Kepada Penyelia,
Dr. Khairol Anuar Kamri,
terima kasih atas tunjuk ajar dan bimbingan.

Semoga penulisan tesis ini dapat menjadi sebahagian daripada usaha wakaf dan amal jariah yang bermanfaat kepada masyarakat. Semoga penulisan ini juga dapat menjadi asbab untuk mendekatkan diri kepada Tuhan. Moga Allah redha dengan penulisan ini dan moga Allah jadikan diri ini tergolong dalam kalangan orang yang bersyukur dan dikasihi oleh Yang Maha Esa.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan di ruang ini untuk memberikan penghargaan kepada pihak yang terlibat secara langsung dalam penghasilan tesis ini. Pertamanya, setinggi penghargaan buat Dr. Khairol Anuar Kamri selaku ketua penyelidik bagi Geran FRGS vot K089 kerana telah melantik saya sebagai pembantu penyelidik siswazah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Pelantikan sebagai pembantu penyelidik siswazah amat memberikan impak yang besar dari segi dana dan sumber yang diperlukan bagi menjalankan kajian ini.

Setinggi penghargaan juga buat Puan Safidah Abu Samah selaku pengarah Jabatan Perpaduan Negeri Johor serta pegawai PERPADUAN iaitu Cik Dayang, Encik Fazil dan Encik Zulfadzly di atas kerjasama yang begitu baik sepanjang proses perbincangan dan pengutipan data berlangsung. Turut tidak dilupakan adalah pegawai PERPADUAN Negeri Johor yang lain yang telah memberikan kerjasama dan bantuan sepanjang kajian ini berlangsung. Terima kasih juga buat barisan pengerusi dan ahli jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga Pasir Gudang yang telah memberikan kerjasama yang positif semasa proses pengutipan data kajian ini. Tidak dilupakan kepada kumpulan pembantu kerja lapangan yang telah memberikan usaha dan kerjasama yang baik.

Seterusnya, terima kasih juga buat para pensyarah yang telah terlibat sebagai pemeriksa, pengajar kelas metodologi dan pembimbing sama ada secara langsung mahupun tidak. Antaranya adalah Profesor Dr. Mansor Mohd Noor (UKM), Dr. Shahidah Hamzah (UTHM), Dr. Zahrul Akmal Damin (UTHM), Dr. Sarawati Johar (UTHM), Dr. Lutfan Jaes (UTHM), Dr. Adi Syahid (UTHM), Prof. Madya Dr. Ahmad Fauzi (UTHM), Prof. Madya Dr. Mohd Sobhi Ishak (UUM), Prof. Madya. Dr Mohamad Ainuddin Iskandar Lee Abdulllah (UUM), Prof. Madya Dr. Mohd Mahadee (UPM), Dr. Mohd Nizam Attan (UTHM), Prof. Madya Dr. Halim Irwan (UTHM) dan lain-lain. Semoga segala kebaikan dan kerjasama yang diberikan oleh semua pihak dapat memberikan manfaat kepada masyarakat melalui kajian dan penulisan tesis ini.

ABSTRAK

Golongan belia berada dalam fasa kerapuhan identiti yang menyebabkan mereka sering terlibat dalam tingkah laku yang menyentuh isu sensitiviti etnik. Maka, hubungan sosial rentas etnik dalam kalangan belia perlu sentiasa dipantau kerana mereka adalah pewaris masa hadapan negara. Hubungan sosial rentas etnik dalam kajian ini diteliti menggunakan konsep modal sosial (*social capital*). Terdapat empat objektif dalam kajian ini iaitu, i) mengenal pasti pola hubungan sosial rentas etnik berdasarkan modal sosial ikatan dalam kalangan belia di Pasir Gudang, ii) mengenal pasti pola hubungan sosial rentas etnik berdasarkan modal sosial rapat dalam kalangan belia di Pasir Gudang, iii) mengenal pasti pola hubungan sosial rentas etnik berdasarkan modal sosial jaringan dalam kalangan belia di Pasir Gudang, dan iv) mengenal pasti pola berpersatuan hubungan sosial rentas etnik dalam kalangan belia di Pasir Gudang. Kajian ini didasari dengan teori strukturasi yang dikaitkan dengan teori pilihan rasional berdasarkan hubungan etnik. Kajian ini melibatkan 362 belia (Melayu 60%, Cina 25% dan India 15%). Data diperolehi daripada pengedaran soal selidik yang dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 23 dan SMART-PLS 3.0. Dapatan pola menunjukkan hubungan sosial rentas etnik berdasarkan modal sosial ikatan, rapat dan jaringan terbina dalam kalangan belia pelbagai etnik di Pasir Gudang, Johor. Namun begitu, pola berpersatuan secara keseluruhannya hanya terbina dalam kalangan belia Melayu di Pasir Gudang. Pola modal sosial ikatan lebih terbina dalam kalangan belia Cina manakala modal sosial rapat dan jaringan pula lebih terbina dalam kalangan belia India. Kajian ini mendapati belia Cina dan India lebih terbina hubungan sosial rentas etnik melalui aktiviti bersifat harian manakala belia Melayu lebih terbina hubungan sosial rentas etnik melalui aktiviti berpersatuan. Sumbang dan cadangan kajian lanjut disertakan dalam penulisan bab akhir kajian.



ABSTRACT

The role of youth as the future heirs of the country makes it very important to monitor their cross-ethnic social relations. Inter-ethnic social relation in this study is measured by the concept of social capital. Social capital can deepen the identifying inter-ethnic social relations. There were four objectives in this study, i) identify patterns of cross-ethnic social relation based on bonding social capital among youth in Pasir Gudang; ii) identify patterns of cross-ethnic social relation based on bridging social capital among youth in Pasir Gudang, iii) identify patterns of cross-ethnic social relation based on linking social capital among youth in Pasir Gudang, iv) identify patterns of cross-ethnic social relation based association participation among youth in Pasir Gudang. The discussion in this research is based on the theory of structuration that embedded with the rational choice theory based on ethnic relations. The study involved 362 youth (Malay 60%, Chinese 25%, and Indian 15%). Data were obtained from the questionnaire distribution analyzed using SPSS version 23 and SMART-PLS 3.0 software. Findings of a pattern of inter-ethnic social relations show that inter-ethnic social relation among youth in Pasir Gudang, Johor by using the concept of social capital are developed. Bonding social capital is more develop among Chinese youth. The bridging and linking social capital are more developed among Indian youth. For the association pattern, only Malay youths who show a positive association involvement. This study found the Chinese and Indian youth develop more cross-ethnic social relation through daily activity while Malay youth develop more cross-ethnic social relation through association participation. Further studies are proposed in the end of this thesis.



KANDUNGAN

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN/TATANAMA/ISTILAH	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
SENARAI PENERBITAN	xvii
BAB 1 — PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	3
1.3 Permasalahan kajian	8
1.4 Persoalan kajian	14
1.5 Objektif kajian	14
1.6 Kerangka teoritikal kajian	15
1.7 Kerangka kajian	16
1.8 Kepentingan kajian	17
1.9 Skop dan limitasi kajian	20
1.9.1 Konteks kajian	20
1.9.2 Sampel kajian	21
1.9.3 Kawasan kajian	21
1.10 Definisi konseptual dan operasional kajian	22



1.10.1	Perhubungan sosial merentas etnik	22
1.10.2	Belia	22
1.10.3	Modal sosial ikatan	23
1.10.4	Modal sosial rapatan	24
1.10.5	Modal sosial jaringan	25
1.11	Pembahagian bab	26
1.12	Kesimpulan	26
BAB 2	SOROTAN LITERATUR	28
2.1	Pengenalan.	28
2.2	Konsep hubungan sosial	28
2.2.1	Konsep hubungan sosial merentas etnik	30
2.3	Penelitian terhadap hubungan sosial menggunakan modal sosial	31
2.3.1	Pembangunan instrumen kajian hubungan sosial rentas etnik dengan menggunakan kaedah sorotan literatur sistematik	40
2.4	Paradigma hubungan sosial di Malaysia	46
2.4.1	Pembentukan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia	46
2.4.2	Pembentukan masyarakat pelbagai etnik di Negeri Johor	48
2.4.3	Pembentukan masyarakat pelbagai etnik di Pasir Gudang, Johor	49
2.4.4	Penelitian terhadap hubungan dalam masyarakat di Malaysia	51
2.4.5	Hubungan sosial merentas etnik dalam kalangan belia di Malaysia	57
2.5	Teori yang berkaitan untuk memahami perhubungan sosial merentas etnik	61
2.5.1	Teori strukturasi dan teori pilihan rasional tentang hubungan etnik	61
2.6	Kerangka analisis kajian	67
2.7	Kesimpulan	69



BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	71
3.1	Pengenalan	71
3.2	Reka bentuk kajian	71
3.3	Pengumpulan data	72
3.3.1	Unit analisis	72
3.3.2	Populasi kajian	73
3.3.3	Teknik persampelan	73
3.3.4	Saiz sampel	74
3.3.5	Pengukuran dan instrumen	74
3.3.6	Pengukuran skala soal selidik	75
3.4	Pembangunan instrumen	76
3.4.1	Sorotan literatur	77
3.4.2	Pra ujian	77
3.4.3	Kajian rintis	
	(pembangunan instrumen)	78
3.4.4	Analisis data kajian sebenar	87
3.5	Kesimpulan	88
BAB 4	ANALISIS KAJIAN	90
4.1	Pengenalan	90
4.2	Kadar sambutan soal selidik dalam kalangan belia	91
4.3	Pengimbasan data	91
4.3.1	Data hilang	92
4.3.2	Data salah	92
4.3.3	Normaliti data	92
4.4	Profil demografi responden	92
4.5	Analisis faktor pengesahan	93
4.5.1	Kesahan konstruk	93
4.5.2	Kesahan konvergen	93
4.6	Pola hubungan sosial rentas etnik	98
4.6.1	Modal sosial ikatan	99
4.6.2	Modal sosial rapat	103
4.6.3	Modal sosial jaringan	107



4.7	Pola perhubungan berpersatuan dalam kalangan belia di Pasir Gudang, Johor	110
4.7.1	Penyertaan dalam persatuan yang berdaftar mengikut etnik	110
4.7.2	Penyertaan dalam kumpulan minat khusus mengikut etnik	111
4.8	Kesimpulan	113
BAB 5	KESIMPULAN	115
5.1	Pengenalan	115
5.2	Hubungan sosial rentas etnik berdasarkan modal sosial ikatan	115
5.2.1	Kualiti dalam hubungan sosial rentas etnik berdasarkan modal sosial ikatan	118
5.3	Hubungan sosial rentas etnik berdasarkan modal sosial rapatan	121
5.3.1	Kualiti dalam hubungan sosial rentas etnik berdasarkan modal sosial rapatan	124
5.4	Hubungan sosial rentas etnik berdasarkan modal sosial jaringan	127
5.4.1	Kualiti dalam hubungan sosial rentas etnik berdasarkan modal sosial jaringan	129
5.5	Hubungan sosial rentas etnik berdasarkan penglibatan persatuan	131
5.6	Perhubungan sosial merentas etnik dalam kalangan belia berdasarkan modal sosial ikatan, rapatan dan jaringan di Pasir Gudang, Johor	134
5.7	Fenomena perhubungan sosial merentas etnik dalam kalangan belia di Pasir Gudang berdasarkan kerangka Teori Strukturasi dan Teori Pilihan Rasional mengenai hubungan etnik	135
5.8	Sumbangan kajian dan cadangan kajian lanjut	140
5.9	Kesimpulan	143
	RUJUKAN	147





PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

1.1	Dapatan antara kajian perhubungan belia pelbagai etnik di Malaysia	10
2.1	Kriteria keterangkuman dan pengecualian	41
2.2	Rantaian pencarian	41
2.3	Dapatan kajian lepas penelitian hubungan sosial merentas etnik dalam kalangan belia menggunakan modal sosial	42
3.1	Populasi belia di Negeri Johor.	73
3.2	Kerangka persampelan unit analisis kajian	74
3.3	Pembolehkan kajian	75
3.4	Pengukuran skala kajian	76
3.5	Senarai pakar rujuk	77
3.6	Kerangka persampelan kajian rintis	78
3.7	Kadar sambutan kajian rintis	79
3.8	Analisis deskriptif profil responden kajian rintis	81
3.9	Jadual Ujian Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) dan ujian Barlett	82
3.10	Jadual pusingan matrik ikatan	84
3.11	Jadual pusingan matrik rapatan	85
3.12	Jadual pusingan matrik jaringan	86
3.13	Jadual kesahan diskriminan	87
3.14	Pengkategorian pola hubungan sosial	88
4.1	Peratusan kadar sambutan borang soal selidik	91
4.2	Jadual profil responden	93
4.3	Nilai loading item, kesahan dan kebolehpercayaan modal sosial ikatan	95
4.4	Nilai loading item, kesahan dan kebolehpercayaan modal sosial rapatan	96

4.5	Nilai loading item, kesahan dan kebolehpercayaan modal sosial jaringan	98
4.6	Pengkategorian pola hubungan sosial rentas etnik	99
4.7	Pola hubungan sosial rentas etnik berdasarkan modal sosial ikatan	99
4.8	Pola mengikut item dalam komponen percaya modal sosial ikatan	100
4.9	Pola mengikut item dalam komponen akrab modal sosial ikatan	101
4.10	Pola mengikut item dalam norma timbal balik modal sosial ikatan	102
4.11	Pola hubungan sosial merentas etnik modal sosial rapatan	103
4.12	Pola mengikut item dalam komponen percaya modal sosial rapatan	104
4.13	Pola mengikut item dalam komponen akrab modal sosial rapatan	105
4.14	Pola mengikut item dalam norma timbal balik modal sosial rapatan	106
4.15	Pola hubungan sosial merentas etnik bentuk jaringan	107
4.16	Pola mengikut item dalam komponen penglibatan modal sosial jaringan	108
4.17	Pola mengikut item dalam komponen percaya modal sosial jaringan	108
4.18	Pola mengikut item dalam komponen timbal balik modal sosial jaringan	109
4.19	Pola penyertaan dalam persatuan yang berdaftar mengikut etnik	111
4.20	Peratus pola penyertaan dalam persatuan	111
4.21	Peratus pola keahlian dalam kumpulan minat khusus mengikut etnik	112
4.22	Peratus pola penyertaan dalam kumpulan minat khusus	112
4.23	Peratus pola penyertaan dalam persatuan dan kumpulan minat khusus	112



SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka kajian	16
2.1	Kepelbagaian struktur dan sistem yang mempengaruhi tingkah laku individu	64
2.2	Kerangka analisis kajian	67
3.1	Proses pembangunan instrumen	76
4.1	Model pengukuran kajian	94
5.1	Pola hubungan sosial rentas etnik berdasarkan modal sosial ikatan	115
5.2	Carta hubungan sosial rentas etnik berdasarkan modal sosial ikatan	118
5.3	Pola hubungan sosial rentas etnik berdasarkan modal sosial rapatan	122
5.4	Carta perhubungan sosial merentas etnik berdasarkan modal sosial rapatan	124
5.5	Pola hubungan sosial rentas etnik berdasarkan modal sosial jaringan	127
5.6	Carta perhubungan sosial merentas etnik berdasarkan modal sosial jaringan	129
5.7	Carta penglibatan dalam kehidupan berpersatuan	132
5.8	Carta penyertaan dalam persatuan berdaftar	133
5.9	Carta penyertaan dalam kumpulan minat khusus	133
5.10	Kepelbagaian struktur dalam sistem berbeza yang mempengaruhi hubungan sosial rentas etnik belia di Pasir Gudang	137



PTTA UTHM

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN/TATANAMA/ISTILAH

AVE	–	<i>Average Variance Extracted</i>
B40	–	Golongan Berpendapatan Terendah
CFA	–	<i>Confirmatory Factor Analysis</i>
EFA	–	<i>Exploratory Factor Analysis</i>
JPNIN	–	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
SEM-PLS	–	<i>Structural Equation Modelling-Partial Least Square</i>
SPSS	–	<i>Statistical Package for the Social Science</i>



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Borang soal selidik	163
B	Surat mesyuarat perbincangan bersama JPNIN JOHOR	173
C	Surat mesyuarat perbincangan bersama JPNIN JOHOR	174



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI PENERBITAN

1. Khairol Anuar Kamri, Marzudi Md Yunus and Aizathul Hani Abd Hamid (2020). The impact of diversity on governance in the industrial area. *Journal of Critical Review*, 7(19), 2166-2170
2. Khairol Anuar Kamri, Mohd Hafizuddin Mejah and Aizathul Hani Abd Hamid (2019). Job stress and emotional intelligence among police officer at general operation force, Royal Malaysian Police. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 23(02), 599-611
3. Khairol Anuar Kamri and Aizathul Hani Abd Hamid (2019). The game of youth: forms of civic engagement among youth around the world. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 23(02), 583-598
4. Aizathul Hani Abd Hamid, Mohamad Hafis Amat Simin dan Khairol Anuar Kamri (2018). Implikasi hukuman fizikal terhadap anak dalam masyarakat Melayu Johor. *KELOLA: Jurnal Ilmu Sosial*, 1(2), 131-142



PTAAUTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penulisan ini adalah mengenai hubungan sosial rentas etnik dalam kalangan belia di Pasir Gudang, Johor. Hubungan sosial yang positif sememangnya dapat membina perpaduan dan memastikan kejayaan sebuah negara (Lee, 2018). Hubungan sosial rentas etnik pula mampu meningkatkan keakraban serta mengurangkan prejudis dalam masyarakat pelbagai etnik (Molina & Wittig, 2006; Nier et al, 2001). Sementara itu, Butler (2019) telah menekankan kepentingan hubungan sosial rentas etnik dalam kalangan belia. Kepentingan ini dikaitkan dengan keadaan belia yang perlu bersaing dengan pelbagai etnik bagi mendapatkan sumber yang terhad dalam era globalisasi yang kompleks dan mencabar. Tambahan lagi, golongan belia berada dalam fasa kerapuhan identiti yang menyebabkan mereka sering terlibat dalam tindakan yang boleh mencetuskan ketegangan etnik (Olsson, 2011). Di Malaysia, kes ketegangan etnik yang melibatkan golongan belia berlaku kerana mereka tidak menjaga sensitiviti etnik (Rais, 2006). Maka, hubungan sosial rentas etnik dalam kalangan belia perlu sentiasa dipantau.

Pelbagai kajian hubungan sosial rentas etnik dalam kalangan belia telah dijalankan dalam kajian lepas. Antaranya adalah kajian yang dijalankan oleh Halipah (2016), Sulaiman (2013) dan Mohd Rizal & Cheow (2012). Kajian lepas telah menggunakan pengukuran yang pelbagai untuk mengukur hubungan etnik dalam kalangan belia. Sebagai contoh, Halipah (2016) menggunakan pengukuran berdasarkan pemilihan rakan sebaya manakala Sulaiman (2013) menggunakan



pengukuran aspek komunikasi, toleransi dan hormat-menghormati. Oleh demikian, hasil dapatan daripada kajian lepas juga memberikan dapatan yang pelbagai.

Konsep hubungan sosial rentas etnik telah diperkenalkan oleh Varshney (2002). Menurut Varshney (2002), terdapat tiga faktor utama yang perlu ada bagi membina hubungan sosial rentas etnik yang positif dalam masyarakat pelbagai etnik. Faktor tersebut adalah:

- 1.1.1 Hubungan harian secara rentas etnik
- 1.1.2 Penglibatan dalam persatuan
- 1.1.3 Hubungan dengan institusi kerajaan atau organisasi kerja

Namun begitu, pengukuran yang dibawa oleh Varshney (2002) telah mendapat kritikan daripada Laitin (2000) kerana pengukuran ini tidak menggunakan elemen percaya yang perlu dilihat dalam hubungan sosial rentas etnik. Oleh yang demikian, kajian ini telah mengenal pasti bahawa terdapat satu lagi konsep yang telah digunakan secara meluas untuk mengenal pasti hubungan sosial rentas etnik iaitu konsep modal sosial atau disebut sebagai *social capital* (Hawkins & Maurer, 2015).

Konsep modal sosial dapat mengenal pasti hubungan sosial rentas etnik melalui tiga bentuk hubungan atau disebut sebagai tiga bentuk modal sosial iaitu modal sosial ikatan (*bonding social capital*), modal sosial rapatan (*bridging social capital*) dan modal sosial jaringan (*linking social capital*) (Gitell & Vidal, 1998 ; Szreter & Woolcock, 2004). Malah, modal sosial juga mempunyai petunjuk yang digunakan untuk mengukur kualiti setiap hubungan yang terbentuk melalui bentuk modal sosial iaitu norma percaya (*trust*), norma akrab (*cohesive*), norma timbal balik (*reciprocity*). Manakala norma penglibatan (*participant*) dikhaskan bagi mengukur kualiti dalam modal sosial jaringan (*linking social capital*) (Perkins, Hughey & Speer. 2002; Woolcock, 2001).

Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti hubungan sosial rentas etnik dalam kalangan belia di Pasir Gudang dengan menggunakan pengukuran modal sosial. Berdasarkan konsep modal sosial, kajian ini akan mengenal pasti tiga bentuk hubungan iaitu modal sosial ikatan (*bonding*), rapatan (*bridging*), jaringan (*linking*). Modal sosial ikatan dan modal sosial rapatan yang dikenal pasti akan diteliti kualitinya menggunakan petunjuk norma percaya, norma akrab dan norma timbal balik. Manakala modal sosial jaringan akan diukur kualitinya menggunakan petunjuk penglibatan, norma percaya dan timbal balik.

Konsep modal sosial mempunyai elemen yang selari dengan faktor pengukuran hubungan sosial rentas etnik yang diketengahkan oleh Varshney (2002). Malah konsep modal sosial dapat mengisi kekurangan yang ada dalam pengukuran hubungan sosial rentas etnik seperti yang dikritik oleh Laitin (2000). Namun, penglibatan persatuan tidak diukur dalam konsep modal sosial. Bagi mendapatkan pengukuran yang komprehensif, kajian ini turut mengukur penglibatan persatuan dalam kalangan belia secara deskriptif.

1.2 Latar belakang kajian

Perhubungan sosial adalah titik tumpu dalam kehidupan manusia yang memainkan peranan penting dari segi kehidupan kemanusiaan dan juga dari segi sosiologi (Olsson, 2011). Perhubungan yang rapat dalam kalangan manusia merupakan asas kebergantungan dan juga sokongan sosial manusia (Berkman, Glass, Brissette, & Seeman, 2000 ; Gifford-Smith & Brownell, 2003). Perhubungan sosial juga merupakan sumber kepada pengaruh sosial, asas kepada pembentukan identiti, rasa kekitaan serta mewujudkan perbandingan sosial (Berkman et al., 2000). Tambahan lagi, perhubungan sosial juga membolehkan kita mengakses sumber- sumber yang dimiliki oleh orang lain (Lin, 2001). Selain dari itu, perhubungan sosial juga merupakan satu bentuk alat yang penting untuk membina perpaduan dan masyarakat yang progresif (David, 2010; Varshney, 2002; Butler, 2019). Bagi memastikan kejayaan dan pembangunan sebuah negara, adalah penting untuk memastikan perhubungan sosial dalam masyarakat berada dalam keadaan yang baik dan rapat meskipun hidup dalam kepelbagaian dan perbezaan (Lee, 2018).

Perhubungan sosial yang positif dalam masyarakat multi etnik pula dilihat mampu mengurangkan rasa prejudis (Molina & Wittig, 2006), meningkatkan rasa kebersamaan identiti (Nier et al., 2001) dan meningkatkan keakraban antara individu pelbagai etnik. Malah (Pettigrew & Tropp, 2006) menyatakan apabila seorang individu mempunyai perhubungan sosial yang baik dengan individu berlainan etnik contohnya sebagai kawan, individu itu akan turut dapat mengurangkan rasa prejudis terhadap kumpulan etnik kawannya tersebut. Ini menunjukkan bahawa, perhubungan sosial yang positif bukan sahaja memberi manfaat kepada dua individu yang berlainan etnik tetapi turut mempengaruhi persepsi individu dengan kumpulan etnik yang lain secara keseluruhannya.

Disebabkan kepentingan perlunya perhubungan sosial yang baik dalam masyarakat, maka terdapat berbagai elemen yang boleh digunakan untuk melihat perhubungan sosial dalam masyarakat. Antara konsep yang sering diperkatakan untuk melihat hubungan sosial adalah dengan menggunakan konsep modal sosial atau turut dikenali sebagai *social capital*. Modal sosial sering kali disama ertikan dengan perhubungan sosial kerana ianya berfungsi sebagai pusat kepada hubungan sosial (Reimer, Lyons, Ferguson, & Polanco, 2008). Modal sosial telah diterima sebagai satu konsep yang boleh digunakan untuk memahami kekuatan perhubungan antara keluarga mahupun komuniti (Hawkins & Maurer, 2015). Pada asalnya, Coleman (1988) mendefinisikan modal sosial sebagai perhubungan kerjasama yang berlaku dalam keluarga dan komuniti manakala Putnam (2000) membincangkan modal sosial dalam bentuk perhubungan sivik, kepercayaan dan norma timbal balik. Sarjana telah membincangkan dengan lebih lanjut mengenai kualiti dan bentuk modal sosial yang wujud. Gitell & Vidal (1998) dan Szreter & Woolcock (2004) telah membezakan tiga bentuk modal sosial iaitu modal sosial ikatan, rapat dan jaringan. Modal sosial ikatan merujuk kepada perhubungan dengan ahli dalam kumpulan yang sama dalam aspek tertentu (Putnam, 2000). Modal sosial rapat pula merujuk kepada perhubungan yang berlaku dengan individu yang secara umumnya tidak mempunyai kesamaan dengan kita seperti kawasan, umur, status, etnik, dan tahap pendidikan (Szreter & Woolcock, 2004). Manakala modal sosial jaringan adalah perhubungan yang terbina antara individu dengan institusi atau individu lain yang mempunyai kuasa ke atas mereka seperti majikan (Szreter & Woolcock, 2004).

Sementara itu Lin (2001) pula menyifatkan perhubungan dalam modal sosial berlaku antara *heterofilus* dan *homofilus*. *Heterofilus* adalah perhubungan yang berlaku antara aktor yang berbeza dan *homofilus* adalah hubungan yang berlaku antara dua aktor yang sama. Perhubungan *homofilus* mewakili modal sosial ikatan yang mempunyai ikatan yang paling kuat namun produktiviti yang paling lemah. Perhubungan *heterofilus* pula terjadi daripada modal sosial rapat yang mempunyai ikatan yang lemah daripada *homofilus* tetapi mempunyai produktiviti yang lebih bernilai daripada modal sosial ikatan (Lin, 2001; McPherson et al, 2001). Sementara itu, modal sosial jaringan pula adalah perhubungan yang mempunyai ikatan yang paling lemah tetapi nilai produktiviti yang paling tinggi kerana modal sosial ikatan menyediakan akses dan ikatan dengan struktur kuasa dan institusi. Tidak seperti modal sosial ikatan, modal sosial rapat dan modal sosial jaringan dicirikan dengan



pendedahan dan pembangunan idea baru, nilai dan perspektif (Woolcock, 2001; Szreter & Woolcock, 2004).

Tambahan lagi komuniti yang homogen mempamerkan nilai modal sosial ikatan yang tinggi namun kurang modal sosial rapat dan jaringan dalam masyarakat dan peringkat institusi (Lin, 2001; Costa & Kahn, 2003). Cabaran dalam membangun perhubungan *heterofilus* melalui modal sosial rapat dan jaringan akan menjadi lebih sukar apabila wujudnya segregasi etnik dan ekonomi dalam masyarakat homofilus. Amir Zal (2014) menerangkan lagi bahawa perhubungan yang homogen atau *homofilus* bukan sahaja berdasarkan kelompok yang sama etnik sahaja tetapi juga merujuk kepada kelompok yang mempunyai nilai, ciri-ciri, kepentingan dan tujuan yang hampir sama berdasarkan kepada budaya dan norma lazim setempat. Oleh itu, modal sosial ikatan juga boleh merujuk kepada hubungan dengan jiran, kawan dalam komuniti wilayah yang sama kerana mereka sama-sama dipacu dengan sifat, nilai dan kepentingan bersama. Sementara modal sosial rapat boleh merujuk kepada hubungan dengan komuniti yang berada dalam wilayah yang berbeza (Amir Zal, 2014).

Seterusnya, petunjuk dalam modal sosial ikatan, rapat dan jaringan pula perlu mempunyai norma percaya, keakraban dan timbal balik (Perkins, Hughey & Speer, 2002; Woolcock, 2002; Schmid, 2000, Fukuyama, 2002). Norma percaya adalah satu keyakinan bahawa individu lain mempunyai tingkah laku yang jujur, normal dan boleh bekerjasama berdasarkan kepada norma yang dimiliki bersama (Fukuyama, 2002). Keakraban juga penting dalam modal sosial ikatan, rapat dan jaringan kerana modal sosial yang baik adalah disebabkan wujudnya keakraban yang tinggi dalam modal sosial tersebut (Woolcock, 2001). Melalui keakraban, hubungan dalam modal sosial akan menyediakan sokongan emosi secara berterusan kepada para aktor kerana dapat mengurangkan rasa jelek antara ahli komuniti sehingga merasakan ahli komuniti juga adalah sebahagian daripada diri sendiri (Dale & Sparks, 2008). Sementara itu, timbal balik pula adalah satu tingkah laku yang saling terjadi antara dua aktor seperti saling bekerjasama, saling tolong-menolong, saling menerima dan saling memberi (Amir Zal, 2014).

Fungsi modal sosial ikatan, rapat dan jaringan dalam sebuah komuniti yang sama adalah untuk memperkukuh rasa percaya, mempertingkatkan keakraban dan penglibatan sesama ahli dan membina timbal balik agar dapat memacu ahli-ahli dalam komuniti, ahli-ahli antara dua komuniti berbeza dan ahli komuniti dengan institusi



untuk tujuan bersama seterusnya membangunkan potensi sebuah masyarakat yang progresif. Pemupukan modal sosial sebegini akan dapat menyediakan sokongan emosi dan psikologi untuk ahli-ahli dalam masyarakat, peluang pengaksesan sumber yang lebih terbuka, mengurangkan rasa untuk berkonflik, meningkatkan rasa selamat dalam masyarakat dan seterusnya membina perpaduan dalam sebuah masyarakat secara umumnya (Schmid, 2000; Williams, 2006; Bowen, 2009).

Kepentingan melihat hubungan sosial dalam sebuah negara yang mempunyai pelbagai etnik melalui modal sosial sememangnya telah luas digunakan seperti di Amerika, Kanada, Rusia, China, Israel, London, Brussel dan Colorado (David et al., 2017; Abbas, 2016; Ivaniushina, 2016; Pearrow, 2017; Qian, 2017; Stolle & Harell, 2013). Sementara itu di Malaysia, konsep besar yang digunakan untuk melihat hubungan dalam masyarakat telah dibangunkan oleh Shamsul Amri melalui konsep kesepaduan sosial. Kesepaduan sosial merujuk kepada keadaan aman, stabil, makmur dan sejahtera tetapi mengakui masih terdapat perbezaan dalam bentuk defisit sosial yang wujud dalam sesebuah masyarakat (Shamsul Amri, 2012). Pengukuran yang digunakan untuk melihat kesepaduan sosial terdiri daripada pelbagai elemen seperti integrasi sosial, batas etnik, hubungan sosial rentas etnik, tadbir urus dan lain-lain lagi. Terbaru, pada Oktober 2019, dalam sebuah persidangan mengenai indeks perpaduan nasional telah menyatakan bahawa usaha dalam membina hubungan masyarakat di negara ini pada masa kini telah bertumpu kepada usaha penyatupaduan (Talib, 2017). Penyatupaduan pula merupakan sebuah usaha berterusan untuk mengurangkan defisit sosial dalam semua lapisan masyarakat (Shamsul Amri, 2019). Dalam konsep penyatupaduan ini juga, hubungan sosial rentas etnik merupakan satu elemen yang penting untuk dilihat dalam masyarakat.

Konsep hubungan sosial rentas etnik berasaskan kepada sebuah kajian Varshney (2002) yang telah melihat hubungan antara kelompok Hindu dan Muslim di India melalui tiga elemen penting iaitu perhubungan sosial sama ada berbentuk inter-etnik atau intra-etnik, kehidupan berpersatuan dalam masyarakat dan juga kejayaan tadbir urus negara dalam menguruskan masyarakat yang pelbagai. Dapatan utama kajian Varshney (2002) yang perlu ditekankan adalah:

1. Perhubungan sosial secara inter-etnik dalam masyarakat atau disebut sebagai hubungan sosial rentas etnik dapat menjamin keharmonian hubungan pelbagai etnik dalam masyarakat.

2. Kehidupan secara berpersatuan dalam masyarakat sama ada berbentuk inter-etnik atau intra-etnik akan dapat mengekalkan keharmonian di satu-satu wilayah.
3. Perhubungan dengan institusi yang memberi kesan kepada bentuk hubungan sosial rentas etnik dalam sebuah masyarakat.

Wujudnya perhubungan sosial secara rentas etnik yang baik dalam masyarakat akan dapat menjamin kehidupan yang aman pada masa akan datang. Varshney (2002) mendapati kelompok yang mempunyai perhubungan berdasarkan elemen-elemen yang dinyatakan mempunyai kemampuan untuk dijadikan sebagai perisai untuk menghadapi provokasi etnik oleh ahli politik dan juga menggagalkan usaha memecahbelahkan masyarakat pelbagai etnik. Hal ini turut dipersetujui oleh Mansor (2012, 2017) yang mengakui bahawa apabila individu dalam sebuah masyarakat membina perhubungan dalam kehidupan sosial dengan individu lain yang berlainan etnik, sama ada melalui hubungan harian atau berpersatuan, maka telah wujud satu keterikatan sosial yang baik dalam masyarakat tersebut yang dapat menipiskan batas etnik.

Selanjutnya, Butler (2019) telah memperincikan kajian hubungan sosial rentas etnik dalam kalangan belia di Australia. Pemilihan golongan belia untuk dilihat perhubungan sosialnya kerana mereka merupakan golongan yang ketertarikan dalam menghadapi arus globalisasi dan transformasi negara namun dalam masa yang sama perlu hidup dalam kepelbagaian etnik yang mempunyai nilai ketaksamaan serta perlu bersaing untuk mendapatkan sumber yang terhad. Maka, dapatan kajian dalam kalangan belia di Australia mendapati bahawa perhubungan harian secara multi etnik telah dapat membantu golongan belia menggunakan perbezaan dan kesamaan yang ada antara mereka untuk membina perhubungan dan identiti secara terbuka serta meraikan perbezaan setiap etnik (Wise & Noble, 2016). Dalam masa yang sama, dapatan kajian ini juga mendapati belia di Australia telah membina perhubungan dengan institusi dan organisasi yang ada di wilayah mereka agar mereka dapat terus hidup dalam kepelbagaian etnik dengan baik.

Ringkasan daripada kajian Varshney (2002) serta kajian oleh Butler (2019) mendapati bahawa, hubungan sosial rentas etnik dapat dibangunkan dengan baik melalui tiga perkara asas iaitu kehidupan harian secara inter-etnik, penglibatan dalam perhubungan persatuan dan perhubungan dengan institusi. Tiga perkara ini juga



PTT AUTHM
PERPUSTAKAAN FUNKITUN AMINAH

RUJUKAN

- Abakumova, I. V., Boguslavskaya, V. F., & Grishina, A. V. (2016). Ethnoreligious attitudes of contemporary Russian students toward labor migrants as a social group. *Psychology in Russia*, 9(1), 112.
- Abbas, R., & Mesch, G. (2018). Do rich teens get richer? Facebook use and the link between offline and online social capital among Palestinian youth in Israel. *Information Communication and Society*, 21(1), 63–79. <https://doi.org/10.1080/1369118X.2016.1261168>
- Abdullah, S. (2013). Potensi dan Kekuatan Modal Sosial dalam Suatu Komunitas. *Jurnal Sosiologi*, 12(1)
- Abdullah Taib (1984), Integrasi dan Polarisasi Mahasiswa Universiti di Malaysia. Laporan Teknikal, Biro Perundingan dan Penyelidikan. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia. (tidak diterbitkan).
- Ab Rahman, H., Abd Rahman, H., Ahmad, N., Nordin, N. A., Mahmud, N., Shaari, R., & Abdul Wahab, S. R. (2011). Kajian Tinjauan Hubungan Etnik Dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu Di Kampus Johor Bahru, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). *Jurnal Teknologi*, 54(1), 65–76. <https://doi.org/10.11113/jt.v54.99>
- Adi Syahid, M.A. & Amir Zal, W. (2018). Pemilikan Modal Sosial Ikatan Dalam Kalangan Cina Muslim Kelantan. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 3(1), 19-29. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol3iss1pp19-29>
- Adnan, H. M., & Mavi, S. R. (2015). Bridging social capital on Facebook as a platform: A case study of Malaysian college students. *Asian Social Science*, 11(15), 1.
- Ahmad, Y., Aziz, M. K. N. A., Sulaiman, S., Mutalib, S. A., & Rose, N. N. (2018). Cross Ethnic Friendship among Multi-ethnic Students and Teacher's Role in Supporting Cultural Diversity in School. In *MATEC Web of Conferences* (Vol. 150, p. 05057). EDP Sciences.



- Aini, Z. (2020). Belia perlu tingkatan budaya berpersatuan. www.suarasarawak.my. Atas Talian 1 Ogos 2020.
- Ajrouch, K. J., Antonucci, T. C., & Janevic, M. R. (2001). Social networks among blacks and whites: The interaction between race and age. *The Journals of Gerontology Series B: Psychological Sciences and Social Sciences*, 56(2), S112-S118.
